

**TAHAP MINAT, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN, LATIHAN GURU DAN
BEBAN TUGAS GURU PROGRAM PEMULIHAN KHAS SEKOLAH
KEBANGSAAN DAERAH PONTIAN, JOHOR**

Abdul Rahim Hamdan, PhD
Ahmad Johari Sihes
Jamaluddin Ramli
Musa Ismail
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia,
Skudai, Johor
p-rahim@utm.my

ABSTRAK

Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dalam system pendidikan Negara merupakan satu usaha untuk memantapkan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) di kalangan murid-murid sekolah rendah. Namun setelah sekian lama pelaksanaannya, masih terdapat segelintir murid-murid yang tidak menguasai kemahiran asas 3M di sekolah rendah malahan sehingga ke sekolah menengah. Oleh itu, program pemulihan khas diperkenalkan sebagai satu alternatif untuk membantu murid-murid dalam penguasaan 3M di sekolah rendah sebagai langkah pencegahan lebih awal. Calon guru program pemulihan khas adalah seorang yang sewajarnya berminat, berpengetahuan dan berkemahiran serta terlatih dalam bidang ini supaya pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat dijalankan. Matlamatnya adalah untuk membantu menyelesaikan masalah murid dalam penguasaan 3M di peringkat sekolah rendah lagi. Satu kajian dijalankan untuk mengetahui sejauhmanakah tahap minat guru, pengetahuan dan kemahiran guru, latihan guru dalam bidang pemulihan khas dan beban tugas guru dalam melaksanakan program pemulihan khas di sekolah rendah. Sekolah Kebangsaan di daerah Pontian, Johor dipilih sebagai lokasi dan sampel kajian. Sebanyak 42 buah sekolah yang melaksanakan program ini telah diberikan borang soal selidik. Kajian rintis telah dijalankan kepada 10 orang guru di daerah Johor Bahru dan didapati kebolehpercayaannya ialah pada alpha .8801. Analisa data SPSS telah digunakan untuk mengetahui kekerapan dan peratusan min. Dapatan kajian menunjukkan pada keseluruhannya tahap minat, pengetahuan dan kemahiran guru, latihan guru dan beban tugas guru di sekolah kebangsaan dalam daerah Pontian, Johor ialah pada tahap sederhana iaitu 59.07 % manakala faktor yang paling dominan di antara empat tahap di atas ialah tahap pengetahuan dan kemahiran guru iaitu 69.97 %.

Kata Kunci: Tahap Minat, Pengetahuan dan Kemahiran, Latihan guru, Beban Tugas, Program Pemulihan Khas

PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan bahawa pendidikan dan kehidupan berkait rapat kerana pendidikan menentukan corak serta mutu kehidupan manusia. Peranan pendidikan sangat penting dalam pembentukan generasi muda untuk menjadi rakyat Malaysia yang dapat menyumbangkan bakti kepada perkembangan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara ini.

Masalah pembelajaran merupakan faktor penting di negara-negara membangun seperti Malaysia sebab ianya mempunyai kaitan dengan usaha ke arah “*universalization of primary education*”. Pendidikan universal pada tahap rendah merupakan salah satu daripada komponen utama program “Pendidikan Untuk Semua” dan “Pendidikan Sepanjang Hayat” serta merupakan strategi untuk mewujudkan pendemokrasian pendidikan. Keutamaan harus diberi kepada ketiga-tiga aspek pendidikan sejagat iaitu “*Universal Access*” kepada pendidikan rendah, kadar menamatkan persekolahan yang tinggi dan pencapaian maksimum. (Special Education Department, 1999. MEM).

Dalam tahun 1983, Sistem Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Perubahan ini menunjukkan usaha untuk kembali semula kepada asas pendidikan (*back to the basic*) dengan memperkenalkan kurikulum ini yang memberi fokus kepada 3M. Semakan kurikulum ini telah meletakkan suatu penekanan yang penting terhadap masalah penguasaan 3M dengan menjalankan aktiviti pengayaan dan pemulihan dalam kelas KBSR sebagai teras utama ke arah penyelesaian masalah 3M ini.

Konsep pendidikan pemulihan dalam Buku Panduan Am KBSR tahun 1982 yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran Malaysia menerangkan bahawa ;

“ Pemulihan dalam KBSR ialah proses pengajaran dan pembelajaran yang khusus untuk murid-murid yang menghadapi masalah atau kesukaran belajar dalam menguasai satu-satu kemahiran asas membaca, menulis dan mengira atau 3M. “

Namun begitu , perancangan KBSR yang begitu rapi dan teliti tidak dapat di implimentasikan dengan lebih berkesan disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan. Ia jelas diperbahaskan dan secara rasional Ketua Perancang atau arkitek perancangan KBSR iaitu Dato’ Asiah bte Abu Samah , Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) pada ketika itu telah menyatakan :

“ We can’t run away with the fact though it is now in the middle of its second cycle (the first cycle ended in 1988 when the first batch of KBSR pupils completed six years of primary school) , we still have problem – sicio – humanistic as well as academic “

(New Straits Time, pada 28 Mac,1992 , m.s. 12)

Kenyataan beliau tersebut telah dibahaskan di dalam sebuah seminar yang telah di adakan diperingkat kebangsaan pada tahun 1989 yang telah membuat satu rumusan iaitu ;

“ Pelaksanaan Program Pemulihan dan Pengayaan dalam kelas KBSR tidak mencapai tahap yang dijangkakan – menyebabkan terdapat sebilangan kanak-kanak tidak dapat menguasai kemahiran asas 3M hingga keperingkat tahap dua persekolahan rendah dan keperingkat persekolahan menengah. “

Semua sekolah kecuali Sekolah Kurang Murid (SKM) atau “*under-unrolled school*” telah diperuntukkan seorang guru pemulihan khas. Dana untuk Program Pemulihan Khas boleh diambil dari peruntukkan Bimbingan dan Kaunseling. Ia merujuk kepada Surat Perkeliling Bahagian Kewangan (Pekeliling No.2/91-Kp 157/ 17/ Jld.8 (78) bertarikh 11 Februari 1991) dan peruntukan Pendidikan Tahunan untuk subjek Sains Sosial. Peruntukan kewangan ini adalah untuk melaksanakan aktiviti bagi membolehkan murid-murid menerima pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan bakat, tahap kecerdasan dan kebolehan mereka.

TUJUAN KAJIAN

- a) Mengetahui sejauhmana minat guru mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas.
- b) Mengetahui tahap pengetahuan dan kemahiran guru mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas
- c) Mengetahui tahap latihan guru mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas.
- d) Mengetahui sejauhmana beban tugas guru di sekolah mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas.
- e) Mengetahui faktor paling dominan yang mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M murid-murid program pemulihan khas

LITERATURE

Program pemulihan khas merupakan suatu usaha pendidikan untuk mengatasi kesulitan murid-murid dalam pembelajaran. Sejarah kewujudannya bermula pada tahun 1965 dengan penempatan guru terlatih khas pertama di sekolah rendah di Selangor. Penekanan terhadap pendidikan pemulihan khas seterusnya dibuat apabila Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira disamping penekanan terhadap perbezaan individu adalah antara asas dalam prinsip KBSR yang menitikberatkan aspek-aspek pedagogi seperti pengabungjalinan, penyerapan, penilaian berterusan, pengayaan dan pemulihan.

Ee Ah Meng (1998), dari segi konsepnya, program pemulihan khas ialah sebagai suatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membantu murid-murid dalam kelas

biasa yang mengalami kesukaran dalam pembelajaran dalam menguasai kemahiran asas 3M . Guru mestilah berpengalaman dalam bidang pengajaran dan pembelajaran muridnya.

Sampson (1975), berpendapat pada lazimnya, murid-murid akan cepat menunjukkan kemajuan dan peningkatan dalam pelajaran apabila mereka mendapat bantuan pengajaran sokongan atau perkhidmatan dari guru-guru yang terlatih dalam bidang pemulihan khas. Pada kebiasaannya kemajuan dan peningkatan ini akan hilang sekiranya murid-murid tidak mendapat sokongan pengajaran yang berterusan apabila mereka kembali ke kelas biasa dan diajar oleh guru lain. Hal ini adalah perkara biasa kerana, mengikut Cashdan dan Pumphrey (1969), yang menegaskan bahawa sekiranya situasi dalam kelas asal (KBSR) tidak berubah, akan menyebabkan murid-murid bermasalah 3M ini memerlukan pemulihan khas semula. Dalam maksud yang lain, murid-murid seharusnya menerima pertolongan atau bantuan susulan dari guru pemulihan khas yang terlatih secara berterusan semasa berada di kelas-kelas biasa.

Laporan daripada ‘ *Asian Programme of Educational Innovation for Development* ‘ (APIED ,1983), berkaitan keperluan pembelajaran dan masalah pendidikan rendah menunjukkan pelbagai faktor. Diantaranya adalah, persekitaran fizikal dan iklim pembelajaran yang tidak sempurna, guru-guru yang tidak berminat mengajar, keadaan yang tidak mencerikan dan menggembirakan merupakan faktor penghalang kepada kejayaan dalam pendidikan. Kekurangan bahan-bahan sumber, penggunaan buku teks serta kaedah mengajar yang tidak dapat menarik minat murid-murid serta memperkayakan pengalaman murid-murid juga dikenalpasti mempengaruhi masalah pembelajaran . Seterusnya nisbah murid dan guru yang tinggi menyebabkan murid-murid tidak dapat perhatian sepenuhnya secara individu oleh guru yang mengajar

Masalah dalam pembelajaran juga disebabkan oleh faktor guru yang tidak cekap atau tidak terlatih. Ia disebabkan oleh pengurusan kurikulum yang lemah (Otto dan Smith, 1980). Guru-guru yang berkualiti dan ideal serta persekitaran pembelajaran yang kondusif sama ada di sekolah mahupun dirumah, sangat penting bagi memudahkan lagi proses pembelajaran murid-murid. Pearson dan Johnson (1978), mengatakan bahawa

guru, rakan sebaya, dan ekologi sesebuah bilik darjah mempengaruhi kebolehan membaca dan kefahaman murid.

Bukan mudah untuk menjadi seorang guru yang disayangi oleh seorang pelajar. Menurut Noran Fauziah Yaakob dan Ahmad Mahdzan Yob (1993), untuk menjadi seorang guru yang dikasihi oleh pelajar, seseorang itu mestilah mempunyai ciri iaitu ; Peramah . Ia dapat mewujudkan hubungan yang baik di antara guru dengan murid-muridnya. Secara tidak langsung ianya akan dapat merapatkan hubungan antara guru dengan muridnya dan dapat berkongsi masalah yang dihadapi oleh murid itu. (Noran Fauziah, 2000). Selain dari itu, guru mestilah yang mempunyai emosi terkawal. Emosi yang terkawal juga merupakan salah satu ciri-ciri yang diingini (Ryans,1967 dalam Noran Fauziah, 2000).

Komunikasi merupakan salah satu daripada kajian terpenting dalam perhubungan awam termasuklah bidang pendidikan dan ia merupakan satu aktiviti yang berterusan (Ab. Rahman Ab. Rashid dan Hajah Wan Som Mamat,1995). Oleh itu, satu lagi ciri yang harus ada pada guru adalah berkomunikasi dengan jelas dan berkesan semasa pengajaran. Seseorang guru bukan sahaja perlu membuat persediaan dari segi rancangan mengajar, tetapi juga harus bersedia untuk berkomunikasi bersama pelajar dengan yakin untuk mendapatkan perhatian daripada murid-murid (Ab. Rahman Ab. Rashid dan Hajah Wan Som Mamat, 1995).

Minat dan kecenderungan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Setiap individu yang berminat dalam perkara yang dipelajari akan menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam perkara yang diceburi. Dalam proses pemilihan, minat memainkan peranan yang sangat penting sebagaimana yang telah disarankan oleh Holland (1973), dalam kajiannya iaitu pemilihan kerjaya adalah dipengaruhi atau didorong oleh minat seseorang. Minat juga membawa kepada pengertian sebagai keinginan, kecenderungan kepada sesuatu. Menurut Thorndike, Weics dan Danis (1968), dalam Hashim (2000), minat secara keseluruhan dapat dianggap sebagai pembolehubah-pembolehubah motivasi.

Menurut Magisos (1989), sebaik-baik guru adalah mereka yang berpengetahuan tinggi, mahir dalam bidang teknikal dan cekap menjalankan tugas sebagai seorang guru. Sementara Kauchak dan Enggan (1989), berpendapat pengajaran yang berkesan memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang luas terhadap mata pelajaran serta mempunyai kefahaman terhadap aspek pembelajaran murid.

Guru merupakan elemen penting dalam pendidikan. Pengajaran yang berkualiti adalah hasil daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan pada suatu disiplin ilmu tersebut. Kenyataan ini turut disokong oleh Ryan, D.G.(dalam Crow & Crow, 1983), iaitu guru yang efektif iaitu guru-guru yang mempunyai sifat-sifat seperti berikut :

- i. Mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajarnya
- ii. Mempunyai imaginasi yang tinggi untuk membolehkan ia membuat pelbagai contoh yang dapat membantu pelajar memahami suatu konsep dengan mudah
- iii. Dapat menggunakan alatan dan bahan pengajaran dengan baik dalam pengajarannya .

Pernyataan Ryan ini jelas mencadangkan bahawa satu bentuk latihan khusus adalah merupakan satu keperluan untuk menyediakan guru yang efektif . Guru yang mengajar kelas pemulihan khas tentunya tidak terkecuali dari keperluan ini.

Robiah (1988), dalam kajiannya ke atas tugas-tugas guru pemulihan khas di dua buah sekolah di Selangor mendapati tiga masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar kelas-kelas pemulihan khas. Masalah dan isu pertama ialah untuk mendapatkan sebuah bilik yang sesuai bagi kelas pemulihan khas. Keduanya, kesukaran untuk mendapat bantuan kewangan atau dana untuk membeli dan membina bahan-bahan pembelajaran. Ketiganya, tidak mendapat sokongan moral daripada Guru Besar dan rakan-rakan guru yang lain. Masalah seterusnya ialah beban tugas yang berat kerana selain dari mengajar di kelas pemulihan khas, guru terpaksa melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan pentadbiran, kurikulum dan juga aktiviti ko-kurikulum.

Mengikut Harnet dan Lee (1988), sikap murid terhadap proses pengajaran pembelajaran di kelas pemulihan banyak bergantung kepada motivasi guru dan perhubungan antara guru dengan murid. Oleh itu mereka berpendapat guru pemulihan khas hendaklah berusaha untuk menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan supaya murid-murid pemulihan khas merasa seronok dan berminat untuk belajar.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan mengumpul maklumat data daripada soal selidik serta mencari taburan kekerapan dan peratusan min. Kajian ini dilaksanakan di 42 buah sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan dalam daerah Pontian, Johor. Lokasi ini dipilih kerana sampel guru-guru pemulihan khas yang dikehendaki memenuhi kriteria dan ciri-ciri yang diperlukan untuk kajian ini dengan bilangan sekolah kebangsaan yang agak kecil berbanding daerah lain . Jumlah Responden ialah seramai 42 orang iaitu mengikut bilangan sekolah.

Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian. Terdapat dua bahagian soal selidik yang digunakan untuk mengumpul data seperti berikut :

Bahagian A :

Soal selidik mengenai latar belakang responden. Bahagian ini mengandungi 5 soalan untuk pemulihan khas, dan tugas serta tanggungjawab di sekolah selain dari mengajar di kelas pemulihan khas.

Bahagian B :

Bahagian ini mengandungi 40 item soalan soal selidik yang di bahagikan kepada empat bahagian seperti *Jadual 1* di bawah .

Jadual 1 : Pembahagian dan taburan bilangan soal selidik

Bahagian	Aspek Kajian	Jumlah Soalan
A	Maklumat responden	5
B	Tahap Minat	10
	Tahap Pengetahuan dan Kemahiran	10
	Tahap Latihan Guru	10
	Tahap Beban Tugas Di sekolah	10
JUMLAH ITEM SOALAN		45

Penganalisan data dan maklumat yang diperolehi daripada responden akan dianalisis menggunakan statistik parametrik dan juga program perisian komputer ‘ *Statistical Package For Social Sciences* ‘ (*SPSS version 10.0 For windows*) dan dilaporkan secara deskriptif inferens iaitu menggunakan taburan kekerapan dan peratusan.

Untuk membuat penilaian dan Perbincangan terhadap dapatan kajian, pengkaji telah mengkategorikan pengurusan penilaian kepada 3 kategori berdasarkan kepada purata peratus keseluruhan bagi setiap persoalan kajian. *Jadual 2* di bawah menunjukkan takrifan penilaian pengkaji terhadap dapatan kajian

Jadual 3.5 : Penilaian Terhadap Analisis Kajian

Peratus (%)	Penilaian / Takrifan
0 - 49.9	Lemah / Rendah
50.0 - 69.9	Sederhana
70.0 - 100	Baik / Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Jadual 3 : Analisis keseluruhan berkaitan dengan tahap minat, pengetahuan dan kemahiran, latihan guru dan beban tugas guru program pemulihan khas di sekolah kebangsaan daerah Pontian, Johor

Bil	Persoalan Kajian	Analisis kajian		
		Setuju %	Tidak Pasti %	Tidak Setuju %
1	Minat guru dalam pengajaran mempengaruhi penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas ?	59.78	17.13	23.09
2	Tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam pengajaran mempengaruhi penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas ?	64.97	21.89	13.1
3	Tahap latihan guru dalam pengajaran mempengaruhi penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas ?	63.34	19.52	17.14
4	Beban tugas guru di sekolah mempengaruhi pengajaran penguasaan 3M murid-murid program pemulihan khas ?	48.17	7.85	44.05
	Jumlah Besar Peratus Purata	59.1	16.5	24.4

Berdasarkan *Jadual 3* menunjukkan analisis kajian secara keseluruhan berkaitan dengan tahap minat, pengetahuan dan kemahiran guru, latihan guru dan beban tugas guru program pemulihan khas di sekolah kebangsaan daerah Pontian , Johor. Analisis mendapati bilangan responden yang bersetuju berdasarkan tahap minat guru mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas adalah pada tahap sederhana iaitu 59.78 %. Bilangan responden yang tidak bersetuju adalah rendah iaitu 23.09 % manakala bilangan responden yang menyatakan tidak pasti juga rendah iaitu 17.13 %.

Analisis menunjukkan bahawa 64.97 % responden bersetuju bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran guru mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas. Ini menunjukkan ia adalah pada tahap sederhana. Responden yang tidak bersetuju ialah 13.1 % dan responden yang menyatakan tidak pasti adalah 21.89 % iaitu pada tahap rendah. Ini bermakna responden mempunyai keperluan di mana

tahap pengetahuan dan kemahiran adalah penting bagi mereka untuk melaksanakan pengajaran serta pembelajaran yang lebih berkesan untuk murid-murid pemulihan khas.

Responden yang bersetuju bahawa tahap latihan guru mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas adalah sederhana iaitu 63.34 % yang bersetuju. Responden yang tidak bersetuju pula ialah 17.14 % dan selebihnya ialah 19.52 % yang menyatakan tidak pasti iaitu pada tahap rendah.

Hasil kajian menunjukkan bahawa beban tugas guru di sekolah mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M murid-murid program pemulihan khas. Ia dapat dilihat dengan jelas iaitu 48.17 % responden yang bersetuju manakala 44.05 % yang tidak bersetuju dan 7.85 % tidak pasti. Keseluruhannya menunjukkan pada tahap yang rendah sahaja. Ia memberi maksud bahawa responden mempunyai kepentingan lain untuk menjadi guru pemulihan khas di sekolah masing-masing kerana peratusan bersetuju dan tidak bersetuju terhadap beban tugas tersebut hampir sama.

Analisis keseluruhan secara peratus pada Jadual 2 menunjukkan maklumat balas responden terhadap faktor yang paling dominan ialah berkaitan dengan tahap pengetahuan dan kemahiran guru mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M bagi murid-murid program pemulihan khas. Ia menunjukkan tahap yang tertinggi sekali iaitu 64.97 % responden bersetuju. Faktor yang paling dominan bagi responden yang tidak bersetuju pula adalah berkaitan dengan tahap yang sama di atas iaitu 13.1 % manakala faktor yang paling dominant bagi responden yang menyatakan tidak pasti adalah berkaitan dengan tahap beban tugas guru di sekolah mempengaruhi pengajaran dalam penguasaan 3M murid-murid program pemulihan khas iaitu 7.85 %. Keseluruhan analisis kajian menikut persoalan terdapat dalam lampiran1.

PERBINCANGAN

1. Tahap Minat Guru Pemulihan Khas

Kesimpulan hasil kajian dari persoalan tahap minat guru pemulihan khas di sekolah kebangsaan dalam daerah Pontian, pada keseluruhannya adalah sederhana. Ia memberikan gambaran yang jelas terhadap kriteria minat. Walau bagaimanapun bagi setengah guru pemulihan khas yang tidak berminat akan diberikan latihan dan motivasi supaya mereka akan berminat kemudiannya dan bersedia untuk mengajar dengan lebih berkesan dan bermakna kepada murid-murid pemulihan khas kelak.

2. Tahap Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Pemulihan Khas

Berdasarkan penganalisaan, hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti guru pemulihan khas bersetuju (64.97 %) bahawa mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan program pemulihan khas di sekolah. Ia bertepatan dengan kenyataan yang diutarakan oleh Wan Mohd Zaid (1993), bahawa para guru perlu lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran supaya relevan kepada keperluan generasi muda masa kini. Walaupun peratusannya pada tahap sederhana namun bagi mereka ,pengetahuan dan kemahiran mengendalikan program pemulihan khas ini adalah penting terutama dari aspek pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, pembinaan bahan bantu mengajar dan pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer. Pendapat ini dipersetujui oleh Zaidatol Alkmian dan Ramlah (1994), bahawa pengajaran yang berkesan memerlukan seorang guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mendalam mengenai mata pelajaran yang diajarnya.

3. *Tahap Latihan Guru Pemulihan Khas*

Analisis menunjukkan peratusan tahap latihan guru program pemulihan khas di sekolah kebangsaan dalam daerah Pontian adalah pada tahap sederhana di mana 63.33 % bersetuju dan manakala yang tidak bersetuju adalah pada tahap rendah (17.14 %). Terdapat 19.52 % guru pemulihan khas yang menyatakan tidak pasti terhadap latihan guru. Ini bermakna guru tersebut tidak mempunyai latihan yang mencukupi dalam bidang yang diceburinya. Terdapat di antara mereka tidak mendapat sebarang latihan berkaitan dengan program pemulihan khas.

Guru pemulihan khas yang terlatih dan berpengalaman akan dapat menguruskan kelasnya dengan lebih kondusif dan berkebolehan untuk mengenalpasti masalah murid-murid dalam penguasaan 3M. Grudin (1979), yang menyatakan bahawa guru pemulihan khas yang benar-benar terlatih dan boleh mengendalikan kelasnya dengan lebih berkesan.

4. *Beban Tugas Guru Pemulihan Khas*

Keseluruhannya tahap beban guru pemulihan khas adalah sederhana. Ia bergantung kepada guru itu sendiri bagaimana hendak mengatasi sesuatu masalah yang ada dan menyelesaikannya dengan pendekatan yang terbaik dan berkesan. Kerja-kerja lebih masa dan diluar waktu persekolahan, penggunaan wang saku sendiri dalam pembelian bahan bantu mengajar dan menjadi guru ganti merupakan perkara yang sering berlaku di semua peringkat guru di setiap sekolah rendah dan menengah. Namun begitu kekerapan melakukan tugas-tugas lain haruslah dikaji semula atau di selaraskan supaya ia tidak mengganggu kelancaran dan tanggungjawab guru yang sebenarnya di kelas pemulihan khas. Ia bertujuan supaya murid-murid pemulihan khas tidak terabai dalam pengajaran dan pembelajaran mereka di kelas pemulihan khas.

CADANGAN

Di antara perkara-perkara yang boleh diberi perhatian untuk meningkatkan lagi mutu dan kompetensi guru-guru pemulihan khas yang dicadangkan hasil dari kajian ini ialah.

- a. Pemilihan Calon Guru Pemulihan Khas Yang Berkualiti
- b. Program Latihan Guru Pemulihan Khas
- c. Penyelarasan Tugas dan Tanggungjawab Guru Pemulihan Khas
- d. Penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)
- e. Pengikhtirafan dan Elaun Insentif Khas
- f. Peruntukan Kewangan (PCG) Program Pemulihan Khas
- g. Pemantauan Pencerapan Dan Penilaian Program Pemulihan Khas
- h. Keperluan Kemudahan Kelas Yang Kondusif

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tahap minat, pengetahuan dan kemahiran guru, latihan guru dan beban tugas guru di sekolah kebangsaan dalam daerah Pontian, Johor adalah pada tahap yang sederhana. Ini mungkin disebabkan terdapat beberapa aspek yang menyebabkan mereka kurang berminat dan kurang pasti akan kepentingan program ini untuk membantu murid-murid yang bermasalah dalam penguasaan 3M di sekolah. Oleh itu latihan guru bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran seharusnya dilaksanakan segera supaya mereka dapat membantu murid-murid dengan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan lagi.

Tugas dan tanggungjawab di sekolah hendaklah diselaraskan agar guru pemulihan khas dapat menumpukan tugasnya yang sebenar di kelas pemulihan khas. Usaha untuk menarik minat guru lain menceburi dalam bidang program pemulihan khas seharusnya dilakukan disamping menyelesaikan masalah dan isu-isu sedia ada seperti ganjaran yang tidak setanding dengan profesion lain serta ganjaran untuk tugas-tugas atau kerja lebih masa. Sewajarnya guru pemulihan khas diberikan elaun insentif seperti guru pendidikan

khas agar bidang ini lebih diminati. Disamping itu usaha untuk meningkatkan kepakaran guru dengan mengadakan kursus dan latihan yang lebih kerap perlu dilaksanakan segera supaya pengetahuan dan kemahiran guru pemulihan khas lebih profesional dan berkesan.

BIBLIOGRAFI

Ab. Rahman Ab. Rashid, Hajah Wan Som Mamat (1995). "Bahasa Melayu Bahasa Dalam Konunikasi Dan Proses Komunikasi." Edisi Pertama. Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

APEID-Asian Programme of Educational Innovation for Development. (1983). Learning needs and problems in primary education. Vol 1&11 research issues and proposals. UNESCO, Bngkok.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, (Januari 2002), Kementerian Pelajaran Malaysia, " Laporan Kajian Pelaksanaan Program Pemulihan Khas Di Sekolah Rendah " , EPRD. Kuala Lumpur.

Cashdan, A.& Pumphrey, D. (1969). Some effects of the remedial teaching of reading. Educational Research II.

Ee Ah Meng (1998), " Pedagogi III. Pengujian, Penilaian, Pemulihan, Pengayaan dan Pendidikan Inklusif (Semester IV). Shah Alam : Fajar Bakti Sdn., Bhd.

Grundin, H..(1979).Remedial Education, a Swedish Viewpoint. Dalam Jurnal NRE, vol 14, No2.

Hashim Andimori (2000), “ Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Jurusan Kejuteraan Awam Di Kalangan Pelajar UTM .”. Projek Sarjana Muda UTM. Tidak Diterbitkan.

Kauchak dan Enggan (1989), “ Learning And Teaching. “ Massachusset : Allyn and Bacon.

Magisos, J.H. (1989), “ Vokcational Teacher Education Principles, Practise, Problem and Promissing Direction. “ London : The Plamer Press.

Noran Fauziah Yaakub, Ahmad Mahdzan Ayob (1993). “Guru dan Perguruan.” Edisi Kedua. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka - Kementerian Pendidikan Malaysia.

Otto, W.. dn Smith (1980). Correcrive and remedial teaching . Houghton Mifflin c.o

Robiah, K.H. (1988). “Fungsi dan masalah guru khas pemulihan di dua buah sekolah rendah di Selangor” . Unpublished M.E.d, thesis, University Of Malaya.

Sampson, O.C. (1975). Remedial Education. Routledge and Kegan Paul. London.

Zaidatol Akmaliah dan Ramlah (1994), “ Keupayaan Mengajar Teras Perdagangan dan Keusahawanan Di Kalangan Guru-Guru Pelatih Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Dan Strategi Dalam Pembentukan Guru Yang Unggul “, 15 -16

Januari 1994, Anjuran Jawatankuasa Latihan Keguruan Antara Universiti dan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur : Massa Enterprise.

LAMPIRAN 1

Jadual 1: Analisis responden terhadap tahap minat guru dalam program pemulihan khas

Item	Soalan	Tahap Minat Guru					
		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju	
		F	%	F	%	F	%
1	berminat untuk mengajar kerana rasa bertanggungjawab di atas kelemahan mereka	34	81.0	3	7.1	5	11.9
2	sukakan kanak-kanak dan ingin membantu mereka	38	90.5	2	4.8	2	4.8
3	menawarkan diri untuk mengajar	23	54.7	7	16.7	12	28.5
4	rasa kasihan dan ingin membantu kerana bilangannya ramai.	30	71.5	5	11.9	7	16.7
5	satu cabaran bagi seorang guru	35	83.3	3	7.1	4	9.5
6	menilai kebolehan saya sebagai seorang guru mengajar murid-murid bermasalah	33	78.6	3	7.1	6	14.3
7	terdapat banyak peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi	19	45.3	19	45.2	4	9.5
8	jemu mengajar murid-murid di kelas biasa	11	26.2	8	19.0	23	54.7
9	merupakan opsyen sebagai guru pemulihan khas telah menghadiri kursus asas.	11	26.2	10	23.8	21	50.0
10	segala urusan dan aktiviti program di atas usaha saya seorang sahaja	17	40.5	12	28.6	13	31.0
	Jumlah Peratus Purata	25.1	59.78	7.2	17.13	9.7	23.09

Jadual 2 : Analisis responden terhadap tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam program pemulihan khas

Item	Soalan	Tahap Pengetahuan dan kemahiran					
		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju	
		F	%	F	%	F	%
11	mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi	17	40.4	14	33.3	11	26.2
12	berkeyakinan untuk mengajar dengan berkesan	26	61.9	11	26.2	5	11.9
13	mempunyai kefahaman yang jelas setiap topik dan item	28	66.7	9	21.4	5	11.9
14	mempunyai pengetahuan dan kemahiran memotivasikan	29	66.6	9	21.4	5	11.9
15	boleh mengendalikan ujian-ujian khas dan membuat analisis hasil ujian dengan cekap	26	61.9	11	26.2	5	11.9
16	mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengenalpasti murid-murid pemulihan khas dan masalah secara khusus.	28	66.6	9	21.4	5	11.9
17	mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam kaedah serta teknik pengajaran yang sesuai dan berkesan	24	57.1	14	33.3	4	9.5
18	boleh berkongsi pengetahuan dan kemahiran dengan guru-guru lain untuk mendapatkan kerjasama mereka	29	69.0	6	4.3	7	16.7
19	mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menghasilkan dan mengendalikan bahan bantu mengajar (BBM) untuk murid-murid pemulihan khas	36	85.7	3	7.1	3	7.2
20	mempunyai pengetahuan dan kemahiran komputer	31	73.8	6	14.3	5	11.9
	Jumlah Peratus Purata	27.4	64.97	9.2	21.89	5.5	13.1

Jadual 4.8 : Analisis responden terhadap tahap latihan guru dalam program pemulihan khas

Item	Soalan	Tahap Latihan Guru					
		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju	
		F	%	F	%	F	%
21	telah menghadiri kursus asas dan terlatih dengan cekap	33	78.6	4	9.5	5	11.9
22	telah menghadiri kursus lanjutan dan berpengalaman	16	38.1	11	26.2	15	35.7
23	terlatih dan berkeyakinan untuk mengajar	28	66.7	5	11.9	9	21.4
24	terlatih untuk membina modul dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.	21	50.0	15	35.7	6	14.3
25	terlatih untuk membina kit dan mengendalikan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dan berkesan.	24	57.2	9	21.4	9	21.4
26	terlatih untuk mengendalikan ujian-ujian khas yang terdapat dalam program pemulihan khas.	24	57.1	13	31.0	5	11.9
27	terlatih dan boleh berkongsi kemahiran serta pengalaman dengan guru-guru lain di sekolah	26	61.9	9	21.4	7	16.7
28	terlatih untuk mengenalpasti masalah dalam penguasaan 3M setiap murid	29	69.0	8	19.0	5	11.9
29	terlatih dan berkemahiran menggunakan komputer dalam						

	pengajaran dan pembelajaran	28	66.7	7	16.7	7	16.7
30	memerlukan latihan yang lebih intensif untuk menambah pengetahuan dan meningkatkan prestasi kerja	37	88.1	1	2.4	4	9.5
	Jumlah Peratus Purata	26.6	63.34	8.2	19.52	7.2	17.14

Jadual 4.9 : Analisis responden terhadap tahap beban tugas guru dalam program pemulihan khas

Item	Soalan	Tahap Beban Tugas					
		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju	
		F	%	F	%	F	%
31	melakukan tugas-tugas perkeranian dan urusan pejabat di sekolah yang diberikan oleh pihak sekolah dari masa ke semasa.	21	50.0	2	4.8	19	45.3
32	menyediakan dan melaksanakan ujian-ujian khas dalam program pemulihan khas memerlukan masa tambahan di luar waktu persekolahan	22	52.4	3	7.1	17	40.4
33	memegang jawatan tugas-tugas khas lain seperti setiausaha PIBG, Setiausaha Sukan ,Penyelaras SPBT sekolah yang telah ditetapkan oleh Guru Besar	5	11.9	5	11.9	32	76.2
34	memerlukan masa tambahan di luar waktu persekolahan untuk menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai	14	33.3	4	9.5	24	57.1

35	membuat taklimat dengan guru-guru sekolah dan berinteraksi dengan ibu bapa penjaga murid pemulihan khas mengenai prestasi pencapaian murid ini.	34	81.0	4	9.5	4	9.5
36	masa tambahan yang panjang untuk meneliti dan menyemak semua buku latihan dan kerja-kerja murid pemulihan khas supaya betul dan kemas berbanding murid-murid biasa.	34	81.0	4	9.5	4	9.5
37	menggunakan masa di luar waktu persekolahan untuk melaksanakan tugas pengurusan dan keceriaan kelas pemulihan khas .	33	78.6	1	2.4	8	19.0
38	mengadakan kelas tambahan di luar waktu persekolahan jika ramai murid yang tidak boleh menguasai 3M di sekolah	27	64.3	8	19.0	7	16.7
39	menggunakan wang saku sendiri untuk membeli peralatan bantu mengajar (BBM) dan keceriaan kelas pemulihan khas kerana peruntukan sekolah tidak mencukupi.	7	16.7	1	2.4	34	81.0
40	diarahkan oleh pihak pentadbir sekolah untuk menjadi guru ganti jika ada guru yang sakit, guru bersalin dan guru yang bertugas di luar sekolah.	5	11.9	1	2.4	36	85.8
	Jumlah Purata Peratus	0.2	48.17	3.3	7.81	18.5	44.05